

借助电子发票 强化中小企数字化转型

马来西亚内陆税收局推动的电子发票 (e-Invoice)，为中小企业带来合规与效率的双重优势。

在竞争激烈、监管趋严的商业环境下，中小企业需在资源有限的情况下提升效率。

电子发票的引入，成为助力企业简化流程、强化财务管理及增强信誉的重要工具。

电子发票是政府认可的数字平台，企业可实时开具、接收及管理发票，并通过安全系统直接提交至内陆税收局，减少文书工作及人为错误，确保财务记录符合最新税务要求。

五大核心优势

- **财务管理更智能**：实时、准确的数据记录，优化现金流及业务分析。
- **报税更简化**：系统整合协助高效准备及提交税务申报，减轻行政负担。
- **降低错误率**：避免重复录入、数据缺失等问题，强化合规性。
- **流程简化**：企业可简化开票流程，提高交易的准确性与透明度，从而提升营运效率，避免额外负担或运营难题。
- **合规优势**：电子发票有助于企业更准确、透明地记录交易，提高整体报税效率，确保符合法规要求。通过 MyInvois 门户，业主也能清晰掌握收入与支出状况。

免费平台助力中小企业

内陆税收局为中小企业与微型企业提供两项免费且易用的工具：

- **MyInvois 门户**：MyInvois 可通过网页浏览器进入，也提供手机应用程序，适用于 Apple (iOS 16.0 及以上)、Android (Android 13 及以上) 及 Huawei (EMUI 8.0 及以上) 设备。
- **MyInvois e-POS 系统**：由内陆税收局特别提供，MyInvois e-POS 系统免费开放给小型企业使用，协助提升营运效率并符合电子发票的相关要求。除了具备销售管理、会计、库存与财务报表等功能，卖家也可在交易过程中直接开具电子发票，或让买家在交易完成后提出发票请求。

轻松迈向电子发票

为确保顺利过渡，内陆税收局 (HASiL) 建议企业做好以下准备：

- **阅读指引**：充分了解电子发票的要求，避免合规问题。
- **系统整合**：确保现有系统具备支持电子发票功能的能力。
- **员工培训**：为团队提供必要的培训，以便有效管理电子发票流程。
- **持续关注**：紧贴 MyInvois 系统及电子发票相关指引的最新更新。

更多详情，浏览：<https://www.hasil.gov.my/e-invois/>



最新电子发票实施时间表 (更新于2025年6月5日)

阶段	目标纳税人	实施日期
1	年营业额或收入超过1亿令吉的纳税人	2024年8月1日
2	年营业额或收入超过2500万令吉至1亿令吉的纳税人	2025年1月1日
3	年营业额或收入超过500万令吉至2500万令吉的纳税人	2025年7月1日
4	年营业额或收入超过100万令吉至500万令吉的纳税人	2026年1月1日
5	年营业额或收入不超过100万令吉的纳税人	2026年7月1日

备注：各阶段实施日起，纳税人可享有6个月过渡宽限期。
更多有关电子发票实施及MyInvois门户的资讯与协助：

 www.hasil.gov.my/en/e-invoice  24小时热线：03-8682 8000

 @myinvoishasil  @myinvoishasil  @myinvoishasil  @myinvoishasil

电子发票将依据企业向内陆税收局 (HASiL) 申报的年度收入，分阶段落实，确保中小企业有充足时间适应与遵循。

e-Invois: Memacu Transformasi Digital PMKS

Pelaksanaan e-Invois oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) menjadi pemacu utama pendigitalan sistem percukaian negara, khususnya dalam membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) meningkatkan pematuhan cukai dan kecekapan operasi.

Dalam persekitaran perniagaan yang mencabar dan dikawal selia dengan lebih ketat, PMKS perlu beroperasi dengan lebih cekap meskipun berdepan kekangan sumber. e-Invois menawarkan penyelesaian strategik yang memudahkan urusan, memperkemas kewangan dan meningkatkan keyakinan pelanggan.

e-Invois ialah representasi digital transaksi antara pembekal dan pembeli, menggantikan dokumen bercetak atau elektronik seperti invois, nota kredit dan nota debit. Semua transaksi dilaksana secara hampir masa nyata dan dihantar terus ke HASiL melalui sistem yang selamat, mengurangkan kebergantungan kepada dokumen fizikal, meminimumkan ralat manusia dan memastikan pematuhan kepada keperluan cukai semasa.

5 kelebihan utama e-Invois:

1. Pengurusan Kewangan Lebih Cekap: Data direkod secara tepat dan hampir masa nyata, memudahkan pemantauan aliran tunai serta analisis prestasi perniagaan.
2. Pemfailan Cukai Lebih Mudah: Sistem e-Invois menyokong penyediaan dan penghantaran penyata cukai secara lebih efisien, sekali gus mengurangkan beban kerja pentadbiran.
3. Kurangkan Risiko Kesilapan: Mengelakkan isu seperti data berganda atau maklumat tidak lengkap yang boleh menjejaskan pematuhan cukai.
4. Permudahkan Proses Perniagaan: Proses pengeluaran invois menjadi lebih pantas dan telus, meningkatkan kecekapan operasi serta keyakinan dalam urus niaga.
5. Meningkatkan Tahap Pematuhan: e-Invois memastikan rekod transaksi lebih tepat dan telus, menyokong pematuhan cukai secara menyeluruh. Melalui portal MyInvois, pemilik perniagaan juga boleh menjejak pendapatan dan perbelanjaan dengan mudah.

Platform Percuma untuk PMKS

Bagi menyokong PMKS dalam peralihan kepada e-Invois, HASiL menyediakan dua platform percuma dan mesra pengguna:

1. Portal MyInvois: Boleh diakses melalui pelayar web dan juga dalam bentuk aplikasi mudah alih untuk Apple (iOS 16.0 ke atas), Android (Android 13 ke atas), dan Huawei (EMUI 8.0 ke atas).
2. Sistem MyInvois e-POS: Disediakan khas oleh HASiL secara percuma untuk perniagaan kecil, sistem ini percuma dan lengkap dengan fungsi pengurusan jualan, akaun, inventori serta laporan kewangan. e-Invois boleh dikeluarkan terus semasa transaksi atau diminta oleh pembeli selepas urusan niaga diselesaikan.

Langkah Persediaan untuk Beralih ke e-Invois

Bagi memastikan peralihan yang lancar, HASiL menyarankan syarikat mengambil langkah berikut:

1. Baca garis panduan: Fahami sepenuhnya keperluan e-Invois bagi mengelak isu pematuhan.
2. Pastikan sistem sedia: Semak sama ada sistem sedia ada mampu menyokong pelaksanaan e-Invois.
3. Latih kakitangan: Sediakan latihan kepada pekerja untuk mengurus proses berkaitan e-Invois.
4. Ikuti perkembangan terkini: Sentiasa rujuk kemas kini terkini berkaitan MyInvois dan panduan e-Invois.

Untuk maklumat lanjut dan bahan rujukan, sila layari <https://www.hasil.gov.my/e-invois/>